

# Kedudukan Dakwah Islamiah dalam Perlembagaan Malaysia dan Kesannya Terhadap Dakwah di Malaysia

Ab. Aziz Mohd. Zin

## Abstract

*The article tries to see the place of **dakwah** within the scope of the Constitution of Malaysia. Though the word **dakwah** cannot be found anywhere in the Constitution, Islam, as the religion of the nation, is allowed to be practised by the Muslims and be promoted to the non-Muslims Freely. Certain government institutions are involved in the latter.*

Perkembangan pesat dakwah Islamiah di Malaysia, terutamanya selepas tahun-tahun 70-an menimbulkan banyak persoalan tentang dari manakah puncanya. Kajian ini akan membincangkan peruntukan perundangan dalam Perlembagaan Malaysia kepada dakwah Islamiah dan kesannya terhadap perkembangan dakwah di Malaysia masa kini.

## Perkataan Dakwah dalam Perlembagaan

Dalam Perlembagaan Malaysia, perkataan dakwah atau dakwah Islamiah tidak

disebut secara jelas. Apa yang disebut ialah tentang Islam sahaja.

Perkara Tiga Fasal Satu Perlembagaan Malaysia menjelaskan kedudukan Islam dalam perlembagaan, iaitu:<sup>1</sup> (1) Agama Islam ialah ugama bagi Persekutuan: Tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan..." Perlembagaan Malaysia tidak memberikan pengertian yang khusus tentang apakah yang dimaksudkan dengan agama Islam yang disebutkan itu. Malah, perkataan agama itu sendiri tidak diberikan apa-apa takrif olehnya.<sup>2</sup>

Cuma, bila penggubal Perlembagaan Persekutuan meletakkan Islam sebagai agama resmi, apa yang dimaksudkan ialah untuk upacara sahaja. Ia bukan sebagai undang-undang asas negara. Maksud tersebut telah diterima oleh Raja-Raja Melayu pada ketika itu.<sup>3</sup>

Oleh kerana Islam dengan maksud tersebut terlalu kabur dan lebih bersifat sementara, suatu pengertian yang jelas dan kukuh perlu dicari. Untuk tujuan tersebut tokoh-tokoh Islam hendaklah dirujuk.

### **Pengertian Islam**

'AbdulKarim Zaydan mengemukakan enam pengertian kepada Islam.<sup>4</sup> Antaranya ialah:

1. Islam ialah satu peraturan yang mencakupi urusan kehidupan manusia, termasuk peraturan akhlak dan hal-hal yang bersangkutan paut dengan dosa-pahala yang dibawa melalui Nabi Muhammad s.'a .w. dan diperintah supaya baginda menyampaikannya kepada seluruh manusia.<sup>5</sup>
2. Islam ialah perkara-perkara yang diturunkan oleh Allah melalui Nabi Muhammad s.'a.w. yang terdiri daripada peraturan-peraturan akidah, akhlak, ibadat, muamalat dan berita-berita, yang diperintah supaya baginda menyampaikannya kepada seluruh manusia.<sup>6</sup>

Kedua-dua pengertian agama Islam yang tersebut di atas jelas menunjukkan bahawa Islam bukanlah satu ilham ilahi, tetapi satu penyampaian yang diperintahkan kepada Nabi Muhammad s.'a.w. melaksanakan penyampaian tersebut. Oleh kerana perintah penyampaian Islam sebahagian daripada pengertian agama Islam, maka jelaslah Islam itu mengandungi dakwah.

Sa'id Hawa dalam bukunya *al-Islam*, selepas membuat penghuraian terhadap takrif Islam satu persatu menyimpulkan bahawa Islam itu ialah akidah, ibadat, peraturan-peraturan hidup dan perkara-perkara sokongan. Beliau menjelaskan, yang dimaksudkan dengan perkara-perkara sokongan itu ialah seperti jihad, amar makruf, nahi mungkar, hukum-hukum dan pembalasan-pembalasan.<sup>7</sup>

Pengertian Islam yang dikemukakan di atas lebih jelas menunjukkan dakwah sebahagian daripadanya. Kerana amar makruf dan nahi mungkar sebahagian daripada dakwah.

Hasan al-Banna (1906-1949) pula menyebut Islam sebagai satu peraturan yang mencakupi semua urusan kehidupan. Ia adalah pemerintahan dan negara atau kerajaan dan ummah, akhlak dan kekuatan atau rahmah dan keadilan, pengetahuan

dan peraturan atau ilmu dan hukuman, benda dan khazanah atau usaha dan kekayaan, jihad dan dakwah atau tentera dan pemikiran. Ia juga mengandungi akidah yang benar dan ibadat.<sup>8</sup>

Pengertian Islam yang dikemukakan di atas jelas menyebut bahawa dakwah sebahagian daripadanya.

Walau apapun takrif dan maksud berhubung dengan Islam, satu perkara yang mesti difahami oleh setiap orang ialah tanggungjawab orang Islam kepada agamanya. Adalah menjadi kewajipan bagi setiap orang Islam menyampaikan agama Islam kepada orang lain mengikut kadar kemampuan masing-masing.<sup>9</sup> Tanggungjawab tersebut jelas merupakan sebahagian daripada Islam, sebagaimana yang terdapat di dalam pengertian-pengertian Islam yang telah dikemukakan.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan tersebut, walaupun Perlembagaan Malaysia hanya menyebut “agama Islam”, ia dengan sendirinya termasuk kewajipan berdakwah, kerana dakwah tidak dapat dipisahkan daripada Islam keseluruhannya.

#### Kedudukan yang Lebih Jelas

Selain daripada itu, Perkara Sebelas (kebebasan agama) Perlembagaan Persekutuan menyebut:<sup>10</sup>

*“Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), “(iaitu selama ia tidak terlibat dengan iktikad atau kepercayaan yang salah bagi orang Islam) mengembangkan agamanya...”*

Ada dua perkataan yang perlu dibincangkan untuk menjelaskan kedudukan dakwah di sini. Perkataan pertama ialah mengamalkan dan perkataan kedua ialah mengembangkan.

Mengamalkan bererti melaksanakan, mempraktik dan melakukan.<sup>11</sup> Berdasarkan pengertian tersebut, maka mengamalkan agama Islam bererti melaksanakan pengajarannya, termasuklah melaksanakan tanggungjawab berdakwah yang diwajibkan kepada setiap orang mengikut kemampuan masing-masing.

Manakala mengembangkan agama bererti menyebarkan agama, iaitu memperluaskan pengaruhnya, memperbanyakkan penganutnya dan sebagainya.<sup>12</sup>

Tun Mohamed Suffian bin Hashim, ketika mengulas peruntukan tersebut menjelaskan bahawa tiap-tiap orang juga berhak untuk mengembangkan agamanya. Namun begitu ia masih tertakluk kepada undang-undang negeri untuk mengawal atau menyekat apa-apa agama, iktikad atau kepercayaan di kalangan orang-orang Islam yang boleh merosakkan agama atau iktikad asal mereka. Di samping itu, kebebasan juga diberikan kepada orang Islam untuk menjalankan dakwah di kalangan orang-orang bukan Islam.<sup>13</sup>

Maksud tersebut bererti Fasal 4 memberi satu peruntukan istimewa kepada orang Islam, kerana orang-orang bukan Islam dilarang mengembangkan ajaran-ajaran agama lain kepada orang-orang Islam, sedangkan orang-orang Islam dibenarkan

berdakwah kepada orang-orang bukan Islam.<sup>14</sup>

Berdasarkan ulasan di atas jelas bahawa dakwah Islam mendapat tempat yang begitu meluas di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Dalam Fasal berikutnya, iaitu Fasal Ketiga (3) (Perkara Sebelas) Perlembagaan Persekutuan memberi peruntukan yang boleh meneguhkan lagi kedudukan dakwah dalam Perlembagaan Malaysia yang disebutkan sebelumnya. Fasal tersebut menyebut:

- “ Tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak -  
a - menguruskan hal-ehwal agamanya sendiri;  
b - menuju dan menyenggarakan yayasan-yayasan bagi maksud-maksud agama atau khairat; dan  
c - memperolehi dan mempunyai harta serta memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang”

Hak yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Malaysia berdasarkan peruntukan di atas ialah hak pengurusan, pentadbiran, mencari dana dan menguruskannya. Hak tersebut bergantung rapat dengan dakwah. Kerana pengurusan dan memperolehi harta dalam Islam diperlukan apabila agama hendak digerakkan melalui dakwah. Dengan yang demikian, hak tersebut lebih menjurus kepada dakwah.

Kesimpulannya, secara dasarnya Perlembagaan Malaysia memberi peruntukan yang cukup baik kepada dakwah Islamiah, sehingga dengan itu kedudukan Islam di Malaysia tinggi dan berkembang secara terhormat.

#### **NOTA KAKI**

1. Perlembagaan Persekutuan (Hingga 15hb. Jun 1988), International Law Book Services, Kuala Lumpur, 1988, hal. 2
2. Dato' Mohamed Salleh bin Abas, *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, hal. 344
3. Ahmad Ibrahim, “Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia”, *Perlembagaan Malaysia Perkembangannya 1957-1977*, (edit) Tun Mohamed Suffian dll, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1983, hal. 58
4. Dr. 'AbduKarim Zaydan, *Usul al-Da'wah*, al-Manar al-Islamiyah, 1976, hal. 8-13
5. *Ibid.*, hal. 9
6. *Ibid.*, hal. 10
7. Sa'id Hawa, *al-Islam*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1977, hal. 11
8. Hasan al-Banna, *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Shahid Hasan al-Banna*, Dar al-Shihab, Kaherah, t.t. hal. 7

9. Sila rujuk, Ab. Aziz bin Mohd. Zin, *Jurnal Syariah*, Jil. 1, Bil. 2, Julai 1993, hal. 391
10. Perlembagaan Persekutuan, *op.cit.*, hal. 12
11. Dr. Teunku Iskandar, *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hal. 26
12. *Ibid.*, hal. 532
13. Tun Mohamed Suffian bin Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, hal. 307
14. Ab. Rahman bin Mustafa, "Perlembagaan: Hak Asasi Manusia Di Malaysia, Pakistan, India, Mesir dan Jordan Sebagai Satu Kajian Perbandingan", Tesis Sarjana Undang-Undang, Universiti Malaya, 1979/80, hal. 208